



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

#### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**09 Zulkaedah 1443 / 09 Jun 2022**

- I. Semalam, Rabu, 08 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 08 Jun 2022, sebanyak **65 dos pertama** dan **881 dos kedua** telah diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang masing-masing membawa jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada **83.0%** dan **62.9%** bagi dos kedua. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin adalah sebanyak **71.4%**.
  
2. Hari ini, Khamis, 09 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 09 Jun 2022, sebanyak **390 kes baru** telah dilaporkan iaitu 382 kes hasil ujian ART dan 8 kes adalah hasil dari 339 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **151,950 kes**. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
  - i) **Tidak ada kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

- Manakala **2 kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sebanyak **312 kes telah disahkan sembah** yang membawa jumlah kes yang sembah kepada **148,922 kes**.
  - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **2,804 kes** iaitu 15 kes sedang dirawat di hospital manakala 2,789 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.
3. Dalam masa beberapa hari kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di negara ini menunjukkan sedikit peningkatan. Perkara ini adalah sebagaimana yang dijangkakan berikutan pengurangan langkah-langkah pengawalan COVID-19 bermula 01 Jun 2022 yang lalu seperti tidak ada lagi had sekatan perkumpulan ramai, tidak ada had umur bagi jemaah yang hadir ke masjid dan sebagainya. Jumlah kes ini dijangka akan menjadi lebih stabil pada masa yang terdekat. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak merasa cemas atau bimbang dengan keadaan ini di mana lebih 99% daripada kes-kes ini adalah di dalam kategori 1 dan 2. Terus laksanakan tanggungjawab sosial masing-masing seperti memakai sungkup muka dan mengasingkan diri dari orang lain jika merasa kurang sihat serta dinasihatkan untuk mengambil vaksin dos penggalak COVID-19 bagi mereka yang belum lagi mendapatkannya.
4. Marilah kita berdoa semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa berada di dalam keadaan yang sihat,

selamat, sejahtera dan berada di dalam lindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

**TAMAT**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 09 Zulkaedah 1443H / 09 Jun 2022